

# **CABARAN-CABARAN PENGAJIAN USULUDDIN & FALSAFAH DI ALAF BARU\***

**Oleh:  
Jawiah Dakir  
Mazlan Ibrahim  
Jaffary Awang  
Ibrahim Mohamed**

## **Abstract**

*The department of Usuluddin and Philosophy (JUF) of Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia was established since 30 years ago. Since then, the department had undergone development in various aspects. In terms of student member, it has remarkably increased since 1999/2001 session when student of the faculty were given freedom to choose their own department. Coursewise, however, philosophy-based courses offered by the department failed to attract students. This study tries to find out the reasons behind this phenomenon.*

Jabatan Usuluddin & Falsafah (JUF) seusia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tahun ini merupakan tahun ke-30 penubuhannya. Sehingga kini, jabatan telah melahirkan ribuan

\* Kertas kerja ini telah dibentangkan di Wacana Pemikiran Islam VIII, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (6 September 2000), dengan sedikit perubahan daripada yang asal.

graduan dalam bidang Usuluddin & Falsafah yang menjurus dalam berbagai bidang pengkhususan. Selama 30 tahun umumnya, jabatan telah mengalami berbagai perubahan selaras dengan perubahan Fakulti Pengajian Islam itu sendiri, dari sistem penggal ke sistem semester, dari pengajian empat tahun ke pengajian tiga tahun, kemudian ke sistem pengajian umum, dan yang terbaru penyusunan semula struktur pengajian dengan struktur baru yang dianggap lebih kemas dan relevan. Sehingga sesi 1998/1999, kemasukan pelajar ke setiap jabatan termasuk JUF adalah berdasarkan pilihan fakulti. Ketika ini JUF merupakan satu jabatan yang tidak begitu popular berdasarkan rekod kemasukan yang ada di fakulti. Bermula sesi 1999/2000, kemasukan ke JUF dibuat atas pilihan pelajar sendiri. Ranking pelajar yang memilih JUF kelihatan agak baik iaitu tempat ketiga dari lima jabatan di fakulti dan seterusnya pada sesi 2000/2001 rankingnya bertambah baik iaitu di tempat kedua dibanding jabatan-jabatan lain. Di peringkat jabatan pula, didapati pemilihan subjek banyak berpihak kepada beberapa subjek yang tertentu sahaja. Kenapa dan mengapa? Bagi menjawab persoalan ini, satu kajian ringkas telah dijalankan ke atas 70 pelajar JUF (35 Tahun 2 dan 35 Tahun 3). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan kecil dari segi minat antara pelajar yang membuat pilihan sendiri dan pilihan fakulti. Sementara itu, subjek yang melibatkan falsafah dan pemikiran kreatif merupakan subjek yang dianggap agak sukar oleh pelajar berbanding subjek-subjek lain.

## BAHAGIAN I

### Pengenalan

Jabatan Usuluddin & Falsafah (JUF) Fakulti Pengajian Islam, ditubuhkan serentak dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18 Mei 1970, 30 tahun lalu. JUF juga merupakan antara dua jabatan dan satu unit terawal di fakulti yang lahir bersama lahirnya UKM, iaitu Jabatan Syariah dan Unit Bahasa Arab.

Objektif JUF antara lain untuk memberi pengajaran dalam bidang ilmu al-Qur'an dan al-Hadith serta akidah, akhlak, falsafah dan pengajian agama berdasarkan kedua-dua sumber tersebut dengan tujuan mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang-bidang berkenaan dan menghayati Islam dalam kehidupan mereka. Jabatan ini juga bertujuan memelihara dan memperkembangkan ilmu-ilmu dalam bidang Usuluddin dan Falsafah dan memberi khidmat kepada masyarakat dan negara (Panduan Pra Siswazah 1999/2000 FPI: 50).

Sementara itu, sebagai sebuah jabatan di bawah Fakulti Pengajian Islam, JUF juga tertakluk kepada objektif fakulti iaitu antara lain (Panduan Pra Siswazah 1999/2000 FPI :7):

1. meninggikan mutu akademik dalam bidang pengajian Islam dan menjadikannya sebagai pusat penyelidikan yang terpenting di negara ini.
2. melahirkan graduan yang benar-benar mahir dalam bidang-bidang Pengajian Islam dan berkebolehan menggunakan pengetahuannya untuk membimbing masyarakat.
3. melahirkan generasi yang benar-benar memahami Islam, memiliki cara berfikir yang sihat, kesedaran dan keinsafan serta rasa tanggungjawab kepada negara mengikut prinsip-prinsip, falsafah dan pemikiran Islam agar terbentuk suatu masyarakat yang berdisiplin.

### **Permasalahan Kajian**

Semenjak ditubuhkan, JUF telah melahirkan ribuan graduan dalam berbagai bidang pengkhususan. Dalam tempoh 30 tahun ini, JUF telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perubahan Fakulti Pengajian Islam dari sudut struktur pengajiannya. Sama seperti jabatan-jabatan lain di fakulti, JUF telah berubah dari sistem penggal kepada sistem semester pada sesi 1977/78. Pengkhususan dibuat ketika tahun pertama lagi. Kemudian bermula sesi 1983/84 fakulti memperkenalkan sistem pengajian umum selama dua tahun dan pengkhususan pada tahun ketiga dan empat. Bermula sesi 1996/1997 JUF (Panduan Pra Siswazah FPI 1996/

1997) mengalami perubahan lagi, iaitu dari sistem empat tahun ke sistem tiga tahun. Sehingga sesi 1998/1999, kemasukan ke jabatan dibuat oleh Fakulti Pengajian Islam. Berdasarkan rekod kemasukan ke FPI, JUF merupakan jabatan yang kurang popular di kalangan pelajar.

Bermula sesi 1999/2000 (Panduan Pra Siswazah 1999/2000: 12), para pelajar terus disalurkan ke lima jabatan berdasarkan pilihan program pengajian yang dibuat oleh mereka semasa membuat permohonan. Ranking pelajar yang memilih JUF kelihatan lebih baik iaitu berada di tempat ketiga dari lima jabatan di fakulti, dan pada sesi 2000/2001 ranking melonjak ke tangga kedua dari keseluruhan jabatan di FPI.

Daripada senario ini, dapat disimpulkan bahawa:

1. JUF kurang popular di kalangan pelajar yang telah didedahkan dengan pengajian umum (sebelum sesi 1999/2000) di mana beberapa kursus Pengajian Usuluddin & Falsafah antara yang wajib diambil.
2. JUF menjadi semakin popular di kalangan pelajar yang masih belum didedahkan kepada Pengajian Usuluddin & Falsafah di FPI (pengambilan sesi 1999/2000 dan 2000/2001).
3. Perkara-perkara 1 dan 2 berkemungkinan menggambarkan minat dan persepsi pelajar terhadap Pengajian Usuluddin & Falsafah.
4. Fenomena 1 dan 2 menunjukkan ada faktor tersembunyi yang mempengaruhi minat dan persepsi pelajar terhadap Pengajian Usuluddin & Falsafah.

Perlu ditegaskan di sini bahawa objektif penubuhan JUF seperti yang telah diterangkan sebelum ini, hanya boleh dicapai dengan jayanya oleh siswazah yang benar-benar berminat dan mempunyai persepsi yang positif ke arah tujuan tersebut. Kajian ini diharap dapat menyumbangkan sedikit maklumat berkenaan persepsi dan minat para pelajar yang sedang dijana untuk memberi khidmat kepada masyarakat dan negara kelak.

## **Hipotesis**

Terdapat beberapa andaian kajian ini dijalankan, antaranya:

1. Pelajar yang membuat pilihan sendiri ke JUF lebih berminat dibandingkan pelajar yang dipilih oleh fakulti untuk ke JUF.
2. Subjek-subjek yang melibatkan Usuluddin agak mudah berbanding subjek yang melibatkan Falsafah dan pemikiran kreatif.
3. Subjek-subjek yang melibatkan Usuluddin dilihat lebih perlu berbanding dengan subjek Falsafah.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Pengajian Usuluddin & Falsafah.
2. Mengenal pasti faktor/sebab pelajar berminat/kurang minat masuk ke bidang Pengajian Usuluddin & Falsafah.
3. Mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap kursus-kursus yang ditawarkan dalam Pengajian Usuluddin & Falsafah.
4. Mengenalpasti beberapa kaedah pengajaran yang berkemungkinan dapat disesuaikan dalam pengajian Usuluddin & Falsafah.
5. Sebagai panduan untuk kajian bagi bidang pengkhususan yang lain.

## **Kajian Terdahulu**

Sehingga kini, belum lagi terdapat satu kajian khusus mengenai Pengajian Usuluddin & Falsafah JUF, FPI. Bagaimanapun satu kajian di peringkat Sarjana bertajuk "Ilmu Tauhid Dalam Mata Pelajaran Usuluddin STPM: Satu Kajian Perbandingan Antara Dekad 80an dan 90an," telahpun dijalankan oleh Ahmad Munawar (1999). Beliau mengkaji pembelajaran tauhid secara formal di peringkat STPM dengan membuat perbandingan sukatan pelajaran tauhid pada tahun-tahun 80an dan 90an.

Selain itu, terdapat lagi kajian prasyarat di peringkat latihan ilmiah oleh Noor Azian Abd. Gahni (1998) bertajuk "Persamaan Perbezaan Dalam Menerapkan Akidah Kepada Mahasiswa/wi Oleh JUF UKM dan Jabatan Akidah & Pemikiran Islam UM." Beliau telah mengupas keberkesanan kedua-dua jabatan dalam menerapkan pembelajaran akidah dan akhlak kepada pelajar. Kajian beliau merujuk kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam bidang itu di jabatan-jabatan tersebut.

Kajian yang kami jalankan ini berbentuk kajian menyeluruh mengenai persepsi dan minat pelajar JUF terhadap Pengajian Usuluddin & Falsafah yang mereka pelajari, yang dilihat dari berbagai sudut, antaranya kandungan, metodologi pengajaran, prospek bidang Usuluddin & Falsafah dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Dalam kertas ini, kami hanya membentangkan sebahagian daripada hasil kajian iaitu menjurus hanya kepada minat dan persepsi pelajar terhadap subjek dalam bidang Pengajian Usuluddin

### **Metodologi**

Tiada teknik yang terbaik dalam mendapatkan data (Czaja & Blair 1996), jadi beberapa teknik telah digunakan bagi mendapatkan hasil yang terbaik. Pada awal kajian, temubual secara tidak formal dibuat ke atas beberapa individu yang mempunyai maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan kajian bagi mendapatkan maklumat yang lebih baik sebelum kajian yang lebih serius dimulakan.

Ujian analisis faktor diperlukan bagi memastikan kesahihan pengukuran minat, keperluan subjek dan kefahaman. Kaedah ini bagus kerana ia boleh menghubungkan pembolehubah-pembolehubah yang banyak yang diperolehi dalam kajian ini dengan memberikan hasil analisis faktor yang mudah untuk ditafsirkan. Namun, analisis ini tidak dapat dijalankan kerana masalah teknikal perisian SPSS yang hendak digunakan.

Dalam membuat soal selidik, satu skala tujuh mata digunakan bagi memberikan responden ruang yang lebih luas untuk

menentukan nilai yang difikirkan sesuai bagi soalan-soalan yang berkaitan. Skala sebegini diguna bagi membolehkan penyelidik mendapat idea yang lebih baik ke atas jawapan-jawapan para responden bagi setiap soalan yang ditanya. Ia kerap diguna dalam kajian-kajian psikologi dan juga disentuh dalam tulisan-tulisan seperti Miller (1956).

Skala yang digunakan dalam borang soal selidik adalah seperti berikut:

1	amat bersetuju
2	bersetuju
3	sedehana setuju
4	berkecuali
5	kurang bersetuju
6	tidak bersetuju
7	amat tidak bersetuju

Perlu dijelaskan di sini iaitu bagi skala nombor empat, ianya dikira sebagai berkecuali, di mana responden yang merasakan mana-mana soalan itu tidak berkaitan atau dia tidak mahu memberikan sebarang nilai, jadi nombor empat dipilih. Tetapi, di dalam penganalisan ke atas data, mana-mana jawapan bernombor empat tidak dimasukkan dalam pengiraan purata, mode dan median (statistik adalah menggunakan purata, iaitu min aritmetik, setelah meneliti kesesuaian di antara purata, mode dan median, di mana didapati taburan data statistik adalah hampir kepada normal dan purata boleh diambil sebagai mewakili ukuran penengah). Nombor empat dikira sebagai titik tengah, iaitu antara setuju dan tidak setuju. Pengiraan korelasi juga dibuat untuk menentukan kebolehharian soalan-soalan tertentu.

## BAHAGIAN II

Seramai 35 pelajar Tahun 2 (17 lelaki, 18 perempuan) dan 35 pelajar Tahun 3 (12 lelaki, 23 perempuan) diambil sebagai responden. Dari jumlah ini, hanya seorang yang berumur dalam lingkungan 26-30 tahun, lainnya dalam lingkungan 20-25 tahun, dan kesemua mereka ini adalah bujang.

Jika dilihat tahap pendidikan, pelajar Tahun 2 mempunyai kira-kira 66% berpendidikan STPM dan 14% STU/STA, manakala pelajar Tahun 3 mempunyai kira-kira 57% berpendidikan STPM dan 40% STU/STA. Namun begitu, aliran/jurusan semasa di peringkat STPM antara pelajar Tahun 2 dan 3 hampir sama, iaitu aliran Syariah kira-kira 6%-8%, aliran Usuluddin kira-kira 26%-29% dan aliran Syariah & Usuluddin kira-kira 34%-40%.

Kajian ini adalah berdasarkan soalan 15, 16 dan 17 Bahagian C yang melihat kepada minat, keperluan subjek dan kefahaman pelajar dibandingkan dengan soalan-soalan lain. Jika dilihat pada Jadual 1, pelajar Tahun 2 (pilihan sendiri) menunjukkan lebih bersetuju terhadap soalan-soalan yang diberikan berbanding pelajar Tahun 3 (pilihan fakulti), dengan memberikan nilai purata yang lebih kecil. Analisis lebih mendalam dibuat di bawah ini untuk melihat dengan lebih jelas corak yang wujud dan apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan analisis tersebut.

Jadual 1: Purata bagi Soalan 15, 16 dan 17 (C)

Soalan	15(C)	16(C)	17(C)
Keseluruhan	1.832	1.701	2.056
Tahun 2	1.747	1.721	1.703
Tahun 3	1.916	1.930	1.916

### 1. Minat


Dalam menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara purata keseluruhan, Tahun 2 dan Tahun 3, 10% adalah



perbezaan yang dibenarkan, bererti sebarang perbezaan lebih kecil daripada 0.7 mata dianggap tidak signifikan. Berdasarkan soalan 15(C) berkaitan dengan minat para pelajar terhadap subjek-subjek yang ditawarkan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah (JUF) menunjukkan bahawa perbezaan yang wujud bagi nilai purata tidak signifikan antara purata keseluruhan (1.832) jika dibandingkan antara Tahun 2 iaitu 1.747 dan tahun 3 berpurata 1.916 (rujuk Jadual 2 dan Rajah 1).

Jadual 2: Purata bagi Soalan 15(C), 9 dan 17, 20 (D)

Soalan	15(C)	9(D)	17(D)	20(D)
Keseluruhan	1.832	2.443	3.600	2.357
Tahun 2	1.747	2.314	3.686	2.229
Tahun 3	1.916	2.571	3.514	2.486



Rajah 1: Purata bagi Soalan 15 (C), 9, 17 20 (D)

Jawapan yang diberi pada soalan 9 dan 20 nyatanya menyokong kepada persoalan mengenai minat pada subjek. Sementara itu jika dilihat kepada Rajah 1, (Soalan 9 dan 20 Bahagian D) yang merujuk kepada menarik atau tidak kursus di JUF, menunjukkan bentuk graf palang yang hampir sama. Korelasinya ialah 0.35, menunjukkan wujudnya hubungan positif soalan-soalan ini, dan boleh harap.

Adapun soalan 17 adalah berbentuk negatif yang mana jawapan sepatutnya juga negatif. Ini disokong oleh korelasi  $-0.06$ , menunjukkan wujudnya hubungan negatif yang kecil antara kedua-dua soalan ini. Jawapan yang diberi oleh responden didapati kebanyakannya sederhana setuju dari segi minat mereka terhadap subjek. Ini menunjukkan bahawa dapatan bagi soalan 17 kurang menyokong kepada soalan 15. Justeru itu untuk mendapatkan maklumat lanjut kenapa perkara ini kelihatannya tidak selari maka penelitian perlu dibuat pada soalan yang berhubung dengan subjek yang terkandung dalam soalan 15.

Jadual 3: Purata bagi Soalan 15 bagi setiap kursus

Kursus	LOGIK	IK	FAL	TAF	AKHLAK	PERAG	AQ	TI	AT	KA	SA	PA	KTAS
	15	15	15	15	15	15	15	15	15	15	15	15	15
Keseluruhan	2.014	2.243	2.271	1.671	1.743	1.700	1.529	1.786	2.100	1.957	1.586	1.629	1.586
Tahun Y	2.143	2.143	2.629	1.457	1.486	1.771	1.429	1.657	1.886	1.771	1.486	1.514	1.343
Tahun Y	1.886	2.343	1.914	1.886	2.000	1.629	1.629	1.914	2.314	2.143	1.686	1.743	1.829

Dengan merujuk kepada Jadual 3 di atas, didapati puratanya adalah dalam lingkungan 1.0 hingga 2.0. Akan tetapi terdapat 10 tempat yang menunjukkan lebih dari 2.0. Oleh yang demikian analisis berikutnya ditumpukan pada skala yang menunjukkan 2.0 ke atas dalam membincangkan persepsi pelajar terhadap subjek. Di dapati 5 kursus iaitu Logik, Ilmu Kalam, Falsafah, Akhlak & Tasawwuf dan Nuṣūṣ 'Arabiyah menunjukkan purata lebih daripada 2.0. Ini menunjukkan tahap minat responden terhadap subjek tersebut kurang berbanding subjek lain.

Jika dilihat pada Tahun 2, subjek Logik, Ilmu Kalam dan Falsafah mendapat purata lebih dari 2.0. Akan tetapi pada Tahun 3, tahap minat responden pada subjek Logik dan Falsafah meningkat, berlawanan dengan subjek Ilmu Kalam di mana tahap minat bertambah kurang.

Adapun apabila kita melihat kepada 2 subjek berikutnya, iaitu

Akhlak & Tasawwuf dan Nuṣūṣ ‘Arabiyyah, didapati tahap minat responden Tahun 2 lebih baik daripada Tahun 3. Jawapan tersebut jika dibandingkan dengan tiga subjek di atas menunjukkan tahap minat responden adalah lebih tinggi berbanding Tahun 2. Jika keputusan ini dilihat dari sudut PS dan PF menunjukkan tahap minat responden PS lebih tinggi berbanding dengan PF.


Berasaskan kepada data yang diperolehi rumusan yang dapat dibuat bahawa faktor kefahaman mempengaruhi mereka dalam menyatakan minat terhadap subjek. Kenyataan ini berasaskan kepada jawapan yang diberi oleh responden pada soalan 17 yang memfokuskan kepada tahap kefahaman pelajar terhadap subjek yang ditawarkan di JUF.

## 2. Kefahaman

Merujuk kepada soalan 17 di Jadual 4 kelihatannya tiada perbezaan signifikan antara purata Soalan 17(C) kerana perbezaan nilai yang diperolehi adalah kurang dari 0.7. Skala dari 1.5 hingga ke skala 2.1 menunjukkan tahap setuju bahawa mereka memahami akan subjek yang ditawarkan di JUF.

Jadual 4: Purata bagi Soalan 17, 19 (C) dan 8 (D)

Soalan	17(C)	19(C)	8(D)
Keseluruhan	2.056	2.714	3.000
Tahun 2	1.703	2.771	3.229
Tahun 3	1.916	2.657	2.771



Rajah 2: Purata bagi Soalan 17, 19 (C), 8 (D)

Namun, jika dilihat pada Rajah 2, Soalan 19(C) dan 8(D) menunjukkan tahap sederhana setuju, berbanding tahap setuju bagi Soalan 17(C). Perbezaan ini dapat dihuraikan jika dibandingkan dengan sikap terhadap subjek (Jadual 5) di mana didapati subjek-subjek logik, Ilmu Kalam dan Falsafah berada di tahap sederhana setuju. Rumusan yang dapat dibuat di sini bahawa tiga subjek tersebut mempengaruhi jawapan responden untuk Soalan 19(C) dan 8(D). Jawapan ini kemungkinan merujuk kepada kesukaran dalam memahami subjek-subjek tersebut. Sungguhpun begitu kedudukan ini tidaklah sampai ke tahap yang begitu ketara.

Jadual 5: Purata bagi Soalan 17 bagi setiap kursus

Kursus	LOGIK	IK	FAL	TAF	HAD	PERAG	AO	TI	AT	NA	SA	PA	KTAS
	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17
Keseluruhan	2.529	2.700	2.700	1.857	1.843	2.114	2.086	1.857	2.200	2.229	1.571	1.643	1.400
Tahun Y	2.714	2.800	3.029	1.857	1.771	2.229	2.114	1.629	2.114	1.800	1.629	1.343	1.229
Tahun Y	2.343	2.600	2.371	1.857	1.914	2.000	2.057	2.086	2.286	2.657	1.514	1.943	1.571


### 3. Keperluan Subjek

Berdasarkan Jadual 6 dan Rajah 3, iaitu berkaitan dengan keperluan subjek-subjek yang ditawarkan di JUF secara keseluruhannya perbezaan yang wujud adalah tidak signifikan. Ini kerana perbandingan yang wujud adalah tidak melebihi 0.7. Umumnya jawapan responden memperlihatkan bahawa mereka bersetuju dari segi keperluan subjek yang ditawarkan di JUF.

Adapun Perbandingan Agama, Akhlak Tasawwuf, Nuṣūṣ 'Arabiyyah memperlihatkan tahap agak sederhana setuju jika dibandingkan dengan subjek Falsafah, Logik dan Ilmu Kalam.

Jadual 6: Purata bagi Soalan 16 (C), 1, 4, 10, 16, 19 (D)

Soalan	16 (C)	1 (D)	4 (D)	10 (D)	16 (D)	19 (D)
Keseluruhan	1.701	2.286	2.800	2.271	1.971	2.886
Tahun 2	1.721	2.143	2.543	2.143	1.943	2.600
Tahun 3	1.930	2.429	3.057	2.400	2.000	3.171



Rajah 3: Purata bagi Soalan 16 (C), 1, 4, 10, 16, 19 (D)

Penganalisan dari sudut keperluan terhadap subjek bagi responden pada Tahun 2 dan Tahun 3, mendapati bahawa Tahun 2 adalah lebih tinggi tahap keperluan terhadap subjek berbanding dengan Tahun 3. Jika dianalisis penunjuk ini dari sudut Pilihan Sendiri (PS) dan Pilihan Fakulti (PF) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 dan Rajah 1, menunjukkan bahawa responden yang diterima melalui PS memperlihatkan kadar keperluan terhadap subjek yang ditawarkan lebih tinggi berbanding dengan PF.

Berdasarkan pada Jadual 7 di bawah menunjukkan tahap kedudukan kursus pada persepsi responden tahun 2 dan tahun 3 adalah berbeza. Perbezaan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Pada Tahun 2, responden memberi penilaian kedudukan kursus untuk kategori pertama adalah subjek-subjek seperti Akidah, Tafsir, Hadith, Kajian Tarikat & Ajaran Sesat yang mendapat nombor dari 1 hingga 4. Sementara bagi kategori kedua iaitu dari nombor 5 hingga 8 adalah subjek-subjek seperti Psikologi Agama, Sosiologi Agama, Tasawwur Islami, Akhlak & Tasawwuf dan Logik. Adapun kategori ketiga adalah dari nombor 9 hingga 13 ialah subjek Perbandingan Agama, Falsafah, Ilmu Kalam dan Nuşûs 'Arabiyyah.

Jadual 7: Kedudukan kursus mengikut purata yang diperolehi

	Keseluruhan		Tahun 2		Tahun 3	
AQ	1.386	1	1.314	3	1.457	1
TAF	1.414	2	1.257	1	1.571	3
KTAS	1.443	3	1.429	4	1.457	1
HAD	1.457	4	1.257	1	1.657	5
PA	1.571	5	1.543	5	1.600	4
SA	1.643	6	1.571	6	1.714	8
TI	1.643	6	1.629	7	1.657	5
PER.AG	1.757	8	1.857	10	1.657	5
AT	1.786	9	1.800	8	1.771	9
LOGIK	1.929	10	1.800	8	2.057	11
FAL	2.000	11	2.200	13	1.800	10
IK	2.043	12	1.914	11	2.171	13
NA	2.043	12	1.971	11	2.114	12

Sementara dengan responden di Tahun 3 yang meletakkan subjek bagi kategori pertama dari nombor 1 hingga 4 adalah Aqidah, Tafsir, Kajian Tarikat & Ajaran Sesat dan Perbandingan Agama. Bagi kategori kedua dari nombor 5 hingga 8 responden meletakkan subjek Hadith, Sosiologi Agama, Tasawwur Islami dan Perbandingan Agama. Adapun bagi kategori ketiga yang bermula dari nombor 9 hingga 13 responden memilih subjek Akhlaq & Tasawwuf, Logik, Falsafah, Ilmu Kalam dan Nuşuş 'Arabiyyah.

#### 4. Cadangan

Bagi melengkapkan kajian ringkas ini, maka pihak penyelidik merasakan beberapa perkara wajar dipertimbangkan dalam memantapkan lagi Pengajian Usuluddin dan Falsafah khususnya dalam mengharungi cabaran-cabaran di Abad ke 21 ini. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

1. Subjek-subjek yang ditawarkan dalam Pengajian Usuluddin dan Falsafah perlu dipermudahkan dari sudut isi kandungan dan pendekatan perbincangan dan penghuraian. Dengan tidak mengkesampingkan kepada

keperluan pendedahan kepada para pelajar dari segi sejarah dan isu-isu utama perbincangan bagi sesuatu ilmu atau subjek.

2. Penekanan perlu diberikan kepada para pelajar dari sudut penggunaan bahasa-bahasa utama dalam Pengajian Usuluddin dan Falsafah, khususnya Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan.
3. Subjek-subjek asas dalam Pengajian Usuluddin dan Falsafah perlu dimantap dan diperluaskan bidang cakupan perbahasannya agar tidak hanya tertumpu kepada persoalan teoritikal akan tetapi lebih menjurus kepada keperluan semasa.
4. Untuk memastikan agar subjek dan pendekatan yang diguna pakai dalam bidang Pengajian Usuluddin dan Falsafah sentiasa relevan dengan tuntutan semasa maka kajian lanjut perlu dijalankan, khususnya mengenai persepsi pelajar berkenaan relevansinya Pengajian ini dengan kehendak pasaran.

## 5. Kesimpulan

Analisis ini secara rumusannya dapat menjawab hipotesis-hipotesis kajian, iaitu:

- 
1. Pelajar yang membuat pilihan sendiri ke JUF lebih berminat dibandingkan pelajar yang dipilih oleh fakulti untuk ke JUF.
- 

Terdapat sedikit perbezaan minat, iaitu PS lebih berminat daripada PF (nilai purata PS ialah 1.747 dan PF ialah 1.916), dan ini turut disokong jika melihat lebih spesifik kepada subjek-subjek seperti Akhlak & Tasawwuf dan Nuşûş 'Arabiyyah.

- 
2. Subjek-subjek yang melibatkan Usuluddin agak mudah berbanding subjek yang melibatkan Falsafah dan pemikiran kreatif.
- 

Perbezaan tahap kefahaman antara Tahun 2 dan Tahun 3

barangkali merujuk kepada pendedahan yang diterima oleh para responden. Pada tahun kedua kebanyakan responden baru didedahkan dengan beberapa subjek baru. Sesetengahnya baru pertama kali didedahkan dengan perbincangan dan topik yang terkandung dalam Pengajian Usuluddin dan Falsafah. Tambahan pula bagi subjek-subjek yang sukar seperti Logik, Falsafah dan Ilmu Kalam yang bagi sesetengah pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami. Akan tetapi senario ini kelihatan berubah bilamana responden berada di Tahun 3 yang mana pada peringkat ini kebanyakan ilmu yang diajarkan pada peringkat ini telah dilalui semasa Tahun 2. Apa yang membezakan adalah dari sudut perbincangan dan ulasan. Akan tetapi dari segi kandungan dan isi perbincangan sebahagiannya telah dilalui semasa di Tahun 2. Ini banyak membantu kefahaman responden.

---

### 3. Subjek-subjek yang melibatkan Usuluddin dilihat lebih perlu berbanding dengan subjek Falsafah.

---

Secara umum, merujuk Jadual 7, didapati subjek falsafah menduduki tangga yang ke bawah dari segi keperluan subjek, menunjukkan bahawa subjek-subjek yang melibatkan Usuluddin dilihat lebih perlu berbanding dengan subjek Falsafah.

Daripada analisis data di atas menunjukkan bahawa responden yang mendaftar ke Pengajian Usuluddin dan Falsafah melalui Pilihan Sendiri kadar minat mereka terhadap subjek adalah tinggi. Demikian juga persepsi mereka terhadap keperluan subjek untuk masa depan adalah juga tinggi. Akan tetapi tahap kefahaman mereka terhadap subjek memperlihatkan agak berkurangan dari sudut skala yang diberi. Sungguhpun begitu perbezaan yang mereka kemukakan antara tahap minat dan keperluan berbanding dengan tahap kefahaman nyatanya tidaklah begitu signifikan.

Analisis juga menunjukkan bahawa sebahagian besar dari subjek yang ditawarkan dalam Pengajian Usuluddin dan Falsafah begitu diminati oleh para pelajar, hanya sebahagian kecil sahaja yang menyatakan kurang minat. Ini kerana sebahagian responden cuba menghubungkan antara kepentingan subjek dengan keperluan subjek bagi masa depan, khususnya dalam konteks kerjaya.



## Rujukan

- Ahmad Munawar. 1999. "Ilmu tauhid dalam matapelajaran usuluddin STPM: satu kajian perbandingan antara dekad 80an dan 90an." Tesis Sarjana. JUF, UKM.
- Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam sesi 1980/81.
- Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam sesi 1996/97.
- Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam sesi 1999/2000.
- Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam sesi 2000/2001.
- Czaja, R. & Blair, J. 1996. *Designing surveys: a guide to decisions and procedures*. California: Pine Forge Press.
- Miller, G.A. 1956. The magical number seven, plus or minus two. *Psychological Review*. 63: 81-97.
- Noor Azian Abd. Ghani. 1998. "Persamaan perbezaan dalam menerapkan akidah kepada mahasiswa/wi oleh JUF UKM dan Jabatan Akidah & Pemikiran UM." Latihan Ilmiah, JUF, UKM.
- Schacht, S.P. & Stewart, B. 1995. *Social statistics: a user-friendly approach*. Boston: Allyn and Bacon.